



Ruj. Kami : YIK/100/1/1-3 Jld 5 ( 78 )  
Bertarikh : 13 Jamadilakhir 1437  
Bersamaan : 22 Mac 2016

**YBrs. Pengetua / Guru Besar**  
Sek.Men.Ugama (A) / SABK  
**Yayasan Islam Kelantan**

Tuan,

**PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU (PIBG) SEKOLAH YAYASAN ISLAM KELANTAN**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklum bahawa Mesyuarat Pengurusan Yayasan Islam Kelantan bil 4/2016 yang bersidang pada 26 Jamadilawal 1437 bersamaan 06 Mac 2016 telah bersetuju untuk menggantikan nama Jawatankuasa Pengelola Kemajuan Sekolah (JKPS) kepada Persatuan Ibumama Dan Guru (PIBG) bagi semua **Sekolah Menengah Ugama (Arab) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Yayasan Islam Kelantan**. Arahan ini berkuatkuasa mulai **01 Jun 2016**.

3. Bersama-sama ini dilampirkan **Perlembagaan Persatuan Ibumama dan Guru (PIBG)** untuk tindakan tuan.

Atas perhatian dan kerjasama tuan terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN"**

**'MEMBANGUN BERSAMA ISLAM'**

**"AKHLAK MEMBINA KESEJAHTERAAN UMMAH"**

Yang menurut perintah,

**(HAJI TENGKU AB RAHMAN BIN TUAN YUNUS)**  
Pegarah  
Yayasan Islam Kelantan



# **YAYASAN ISLAM KELANTAN**

---

**PERLEMBAGAAN PERSATUAN IBUBAPA DAN  
GURU (PIBG) MAAHAD / SEKOLAH MENENGAH  
UGAMA (ARAB)  
YAYASAN ISLAM KELANTAN**

**PERLEMBAGAAN PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU (PIBG)  
MAAHAD/ SEKOLAH MENENGAH UGAMA (ARAB)  
YAYASAN ISLAM KELANTAN**

**Kaedah 1**

1.1 Nama & Alamat

1.1.1 Persatuan ini adalah dikenali dengan nama Persatuan Ibubapa & Guru Sekolah

1.1.2 Alamat berdaftar bagi persatuan ini ialah Sekolah/Maahad

**Kaedah 2**

2.1 Maksud-maksud & Tujuan-tujuan Jawatankuasa

2.1.1. Maksud-maksud Jawatankuasa ialah

- Untuk mengadakan sesuatu forum dan perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid disekolah ini.
- Untuk membantu dan menambah usaha sekolah ini pada memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan kebendaan murid-murid dalam kegiatan-kegiatan mereka.
- Untuk membolehkan ibubapa dan guru-guru di sekolah ini bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pendidikan pada am.
- Untuk memberi peluang kepada guru dan ibubapa di sekolah ini berunding antara satu sama lain berkenaan dengan cara meningkatkan taraf pendidikan anak-anak murid pada amnya.

2.1.2. Tujuan-tujuan Jawatankuasa ialah:

2.1.2.1 Untuk menentukan supaya murid-murid di sekolah ini memperolehi faedah maksima daripada kemudahan-kemudahan pembangunan fizikal dan pembelajaran murid.

2.1.2.2 Untuk menentukan supaya murid-murid di dalamnya mempunyai sumber yang perlu untuk membuat kerja-kerja sekolah mereka baik di rumah mahupun di sekolah.

2.1.2.3 Untuk mewujudkan alam sekeliling yang sebaik-baiknya bagi sekolah supaya membolehkan murid-murid mencapai perkembangan kerohanian, disiplin, akhlak, mental dan jasmani.

### Kaedah 3

#### 3.1 Tempat diadakan mesyuarat

- 3.1.1. (Nyatakan sekiranya berlainan dengan yang dinyatakan di fasal 2.1 di atas, sebaik-baiknya mesyuarat hendaklah diadakan di sekolah)

### Kaedah 4

#### 4.1. Keahlian

- 4.1.1 Tiap-tiap ibubapa atau penjaga yang berdaftar dan guru di Sekolah Menengah Agama (Arab)

#### 4.2. Ahli Jawatankuasa

- 4.2.1 Satu Jawatankuasa mengandungi perkara-perkara berikut:

- 4.2.1.1 Seorang Yang DiPertua
  - 4.2.1.2 Seorang Timbalan Yang DiPertua
  - 4.2.1.3 Seorang Setiausaha Kehormat
  - 4.2.1.4 Seorang Bendahari Kehormat
  - 4.2.1.5 Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa
  - 4.2.1.6 Empat (4) orang Ahli Jawatankuasa dilantik dengan dipersetujui oleh  $\frac{2}{3}$  dari ahli Jawatankuasa.
  - 4.2.1.7 1 orang Ahli Jawatankuasa mewakili Yayasan Islam Kelantan dan ditentukan oleh Yayasan Islam Kelantan.
- 4.2.2 Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat hendaklah dilantik dari kalangan guru-guru dalam mesyuarat Jawatankuasa.
- 4.2.3 5 orang Ahli Jawatankuasa hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung dari guru-guru dan ibubapa dan 4 orang Ahli Jawatan hendaklah dilantik oleh Mesuarat Jawatankuasa (2 guru + 2 ibubapa).
- 4.2.4 Pengetua/Guru Besar adalah sebagai Penasihat.
- 4.2.5 Nama-nama untuk jawatan di atas hendaklah dicadang dan disokong dalam pemilihan dan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung pemilihan kecuali jawatan 4.2.1.3, 4.2.1.4, 4,2,1,6 dan 4,2,1,7.
- 4.2.6 Semua pegawai-pegawai boleh dilantik semula oleh tiap-tiap mesuarat agung pemilihan.

4.2.7 Mana-mana kekosongan yang berlaku dalam jawatankuasa kerja kecuali Jawatan 4.2.1.7 di atas hendaklah dipenuhi dengan melantik seorang ahli biasa atas persetujuan 2./3 ahli jawatankuasa kerja.

4.3. Tempoh

4.3.1 Jawatankuasa ini dipilih/ dilantik untuk tempoh selama dua tahun.

4.4. Tugas Jawatankuasa Kerja

4.4.1 Mengelola dan mengaturkan kegiatan-kegiatan persatuan dan membuat keputusan atas perkara yang menyentuh perjalanan persatuan dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh mesyuarat agung;

4.4.2 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh satu tahun dan empat belas hari pengumuman hendaklah diberikan kepada ahli-ahli jika perlu;

4.4.3 Yang Dipertua dengan bersendirian, atau dengan tidak kurang daripada tiga orang ahli jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat pada bila-bila masa.

4.5. Tugas-tugas pegawai

4.5.1 Yang Dipertua hendaklah menjadi pengerusi mesyuarat jawatankuasa kerja dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani minit-minit mesyuarat apabila telah diluluskan. Dalam masa ketiadaanya, Timbalan Yang Dipertua hendaklah memangku jawatannya.

4.5.2 Setiausaha Khormat hendaklah menjalankan urusan persatuan menurut perlembagaan, dan melaksanakan arahan-arahan mesyuarat agung dan jawatankuasa. Ia hendaklah menyimpan semua minit-minit mesyuarat, menguruskan hal-hal surat menyurat dan menyampaikan semua buku-buku, surat-surat dan rekod-rekod lain. Ia hendaklah menyediakan laporan untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan dan minit-minit yang berkenaan denganya.

4.5.3 Bendahari Kehormat adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan persatuan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara dan bertanggungjawab di atas kesahihannya. Audit hendaklah menyediakan penyata kira-kira bagi tiap-tiap tahun kewangan sebelum 1 haribulan Februari dan diserahkan untuk diaudit.

## **Kaedah 5**

### **5.1 Pendapat**

- 5.1.1 Persatuan hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang ke dalam mana hendaklah dibayar semua derma atau sumbangan daripada mana-mana ahli atau sesiapa sahaja asalkan tidak bertentangan dengan undang-undang negara dan syarak terhadap tujuan-tujuan persatuan, dan kumpulan wang itu hendaklah diuruskan oleh persatuan .
- 5.1.2 Yuran Persatuan hendaklah ditentukan kadarnya dalam Mesyuarat Agung.

## **Kaedah 6**

### **6.1 Kuasa Bagi Menjalankan Wang Persatuan**

- 6.1.1 Kuasa untuk menjalankan wang persatuan ialah dengan kelulusan jawatankuasa persatuan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan persatuan.
- 6.1.2 Bendahari Kehormat dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih dan RM 300.00 pada sesuatu masa dan memasukkan semua wang yang lain ke dalam sebuah bank yang diluluskan oleh jawatankuasa. Akaun bank itu hendaklah di atas nama persatuan.
- 6.1.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dan akaun-akaun persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Bendahari Kehormat dan Yang Dipertua atau Setiausaha Kehormat.
- 6.1.4 Tahun kewangan persatuan ialah 1 haribulan Januari hingga 31 haribulan Disember.

## **Kaedah 7**

### **7.1 Penyimpan Akaun-akaun & Perlombongan Persatuan**

- 7.1.1 Akaun persatuan hendaklah diaudit pad tiap-tiap tahun oleh 2 orang yang tidak menjadi ahli jawatankuasa dan mereka hendaklah dicalonkan oleh ahli-ahli persatuan dalam mesyuarat agung pilihan.
- 7.1.2 Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan mesyuarat agung tahunan yang berikutnya.
- 7.1.3 Satu salinan penyata kira-kira yang telah diaudit dan diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan hendaklah dihantar kepada Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

## **Kaedah 8**

### **8.1 Korum**

- 8.1.1 Korum bagi mesyuarat agung hendaklah tidak kurang 1/10 orang dari bilangan ahli.
- 8.1.2 Korum bagi mesyuarat jawatankuasa hendaklah senyak  $\frac{1}{2}$  bilangan ahli-ahli jawatankuasa.

## **Kaedah 9**

### **9.1 Mesyuarat Agung Tahunan & Mesyuarat Agung Tergempar**

- 9.1.1 Kuasa persatuan hendaklah terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli.
- 9.1.2 Mesyuarat agung tahunan hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun sebelum akhir bulan Julai.
- 9.1.3 Suatu Mesyuarat Agung Tergempar boleh diadakan :
  - 9.1.3.1 Apabila difikirkan perlu oleh jawatankuasa.
  - 9.1.3.2 Apabila permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya 1/10 orang ahli persatuan dan mesyuarat hendaklah diadakan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh penerimaan permintaan tersebut.
- 9.1.4 sekurang-kurangnya 14 hari notis hendaklah diberikan secara bertulis untuk mengadakan mesyuarat agung dan sekurang-kurangnya 7 hari notis bertulis bagi mesyuarat agung tergepar.
- 9.1.5 Urusan mesyuarat agung pemilihan ialah :
  - 9.1.5.1 Memilih Yang Dipertua dan Setiausaha Kehormat mesyuarat dan ahli-ahli mesyuarat;
  - 9.1.5.2 Menerima laporan ahli jawatankuasa dan penyata kira-kira yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
  - 9.1.5.3 Memilih ahli jawatankuasa baru yang terdiri daripada ahli-ahli;
  - 9.1.5.4 Melantik 2 orang pemeriksa kira-kira bukan daripada ahli-ahli jawatankuasa;
  - 9.1.5.5 Menimbangkan lain-lain perkara yang menyentuh kemajuan dan kebajikan persatuan;
  - 9.1.5.6 Urusan mesyuarat agung tahunan ialah tertakluk kepada perkara 9.1.5. diatas kecuali 9.1.5.3 dan 9.1.5.4.

## **Kaedah 10**

### **10.1 Pindaan Perlembagaan Persatuan**

- 10.1.1. Perlembagaan persatuan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan persetujuan 2/3 daripada mesyuarat agung, perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada perlembagaan hanya berkuatkuasa mulai daripada tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu dibenarkan oleh Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

## **Kaedah 11**

### **11.1 Harta & Amanah**

- 11.1.1 Persatuan adalah mempunyai kuasa untuk mempunyai, mengguna dan melupuskan apa-apa harta tak alih yang mana pada pendapatnya dikira akan memudahkan ia menjalankan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya.
- 11.1.2 Empat orang pemegang amanah hendaklah dilantik di mesyuarat agung tahunan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh persatuan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tak alih kepunyaan persatuan dan mereka hendaklah menguruskan harta-harta itu mengikut cara yang diperintahkan oleh jawatankuasa.
- 11.1.3 Pemegang amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau menukarkan harta kepunyaan persatuan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh mesyuarat agung ahli-ahli.
- 11.1.4 Seseorang amanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seseorang pemegang amanah sebelum mesyuarat agung tahunan maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh jawatankuasa sehingga pemegang amanah yang baru dilantik di dalam mesyuarat agung.
- 11.1.5 Pemegang amanah yang dilucutkan daripada jawatannya mengikut perlembagaan ini berhak merayu kepada mesyuarat agung yang berkuasa memberi keputusan yang muktamad.



## **Kaedah 12**

### **12.1 Larangan**

- 12.1.1 Persatuan tidak boleh memperluaskan bidang kuasanya kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pekerjaan dan syarat-syarat perkhidmatan guru-guru dan kakitangan lain di sekolah/Maahad.
- 12.1.2 Persatuan tidak boleh menjadi jentera bagi menyelesaikan pertikaian atau perkara-perkara lain yang berkaitan di antara jawatankuasa dan Pengetua atau kakitangan sekolah atau Yayasan Islam Kelantan atau kerajaan Negeri atau Persekutuan.

## **Kaedah 13**

### **13.1 Tafsiran**

- 13.1.1. Sekiranya timbul sesuatu yang tidak jelas mengenai tafsiran dalam perlembagaan ini, perkara itu hendaklah dirujuk kepada mesyuarat jawatankuasa, keputusan jawatankuasa mengenai perkara tersebut adalah muktamad.

## **Kaedah 14**

### **14.1. Pembubaran**

- 14.1.1. Persatuan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan kelulusan bertulis Daripada Pengarah Yayasan Islam Kelantan. Segala harta alih atau tak alih tidak boleh dilupuskan melainkan dengan kelulusan Pengarah Yayasan Islam Kelantan. .

.....  
Yang Dipertua PIBG  
Tarikh: .....

.....  
Pengarah  
Yayasan Islam Kelantan  
Tarikh:

.....  
Setiausaha Kehormat  
Tarikh: .....

.....  
Bendahari Kehormat PIBG  
Tarikh: .....